

Putrajaya: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menyediakan kira-kira 3,000 lot tapak bazar Ramadan di kawasan seliaan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa.

“Pelaksanaannya hampir selesai daripada sudut pemberian lesen, selain penyelenggaraannya.

“Ia bertujuan memastikan operasi perniagaan sepanjang tempoh itu ber-

langsung secara lebih teratur dan tersusun,” katanya kepada media, semalam.

Terdahulu, Zaliha ditemui pada Hari Terbuka Pertanian Bandar dan Kelulut Putrajaya (HTPBKP) 2025 di Taman Botani, di

sini.

Kata beliau, pada masa sama, pemegang lesen Kuala Lumpur (KL) Madani yang berminat untuk berniaga di bazar Ramadan boleh mengemukakan permohonan kepada DBKL melalui saluran pendaftar-

an sedia ada.

Menyentuh berkaitan HTPBKP 2025, Zaliha berkata, program dua hari bermula semalam hingga hari ini bersempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2025 dan sambutan ke-51 penubuhan Wilayah Perse-

kutuan.

Menurutnya, program ini bertujuan menggalakkan penduduk mengusahakan pertanian bandar, khususnya kelulut, bagi membantu komuniti menerusi program satu kebun, satu komuniti yang

dilancarkan dalam program ini.

Katanya, penduduk yang berminat untuk menceburkan diri dalam ‘pertanian bandar’ boleh dibantu membabitkan tiga teras iaitu komuniti, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan teknologi.

“Tahun lalu, kita berjaya menghasilkan sehingga nilai RM100,000 daripada 10 kebun di sini, dan program ini akan dikembangkan ke setiap komuniti,” katanya.

PEMBERIAN LESEN HAMPIR SELESAI

DBKL sedia 3,000 lot tapak bazar Ramadan



PEMEGANG lesen KL Madani yang berminat untuk berniaga di bazar Ramadan boleh mengemukakan permohonan kepada DBKL.